



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 2 /2024

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengaroh Insolvensi Bahagian
Pengaroh Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELEPASAN DAN PENGGANTUNGAN
PELEPASAN AUTOMATİK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA INSOLVENSİ 1967
[AKTA 360]

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada semua pegawai di Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) berhubung dengan tatacara mengendalikan kes untuk pelepasan automatik dan penggantungan pelepasan automatik di bawah seksyen 33C Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] serta meningkatkan kecekapan operasi kebangkrupan supaya seragam dalam mentadbir kes.

2.0 DEFINISI DAN TAFSIRAN

Bagi tujuan garis panduan ini—

- 2.1.1 "Jumlah Wang" merujuk kepada wang yang dipersetujui untuk dibayar oleh bankrap secara ansuran bulanan bagi tujuan pelepasan automatik;
- 2.1.2 "Kes Retrospektif" merujuk kepada kes yang sedang ditadbir oleh cawangan dan dihukum bankrap sebelum tarikh 6 Oktober 2023. Rujuk seksyen 16 Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [Akta A1695];
- 2.1.3 "Kes Prospektif" merujuk kepada kes yang ditadbir oleh cawangan dan dihukum bankrap selepas tarikh 6 Oktober 2023;
- 2.1.4 "Pegawai 33C" merujuk kepada pegawai insolvensi Bahagian Kebankrapan Ibu Pejabat; dan
- 2.1.5 "Pegawai Unit Mahkamah" merujuk kepada pegawai insolvensi yang mengendalikan kes mahkamah di cawangan.

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10 telah mengumumkan dasar baharu kerajaan semasa pembentangan belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 termasuk pembentangan Inisiatif Dasar Peluang Kedua. Inisiatif Dasar Peluang Kedua ini berhasrat untuk memberi peluang kedua kepada bankrap dengan memberikan pelepasan daripada kebangkrapan dalam tempoh yang singkat iaitu tiga (3) tahun dari tarikh penyerahan Pernyataan Hal Ehwal (PHE) oleh bankrap.

3.2 Susulan itu, Mdl turut mengambil inisiatif menambahbaik peruntukan mengenai pelepasan automatik dengan meminda seksyen 33C Akta 360 yang mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2023.

3.3 Peruntukan seksyen 33C Akta 360 memperuntukkan tanggungjawab statutori Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk melepaskan bankrap secara automatik selepas tempoh tiga (3) tahun dari tarikh penyerahan PHE menurut subseksyen 16(1) Akta 360 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

4.0 PEMAKAIAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Kes yang dihukum bankrap sebelum dan selepas permulaan kuat kuasa Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [Akta A1695] hendaklah dilepaskan secara automatik atau digantung daripada pelepasan tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan.

5.0 KRITERIA PELEPASAN DAN PENGGANTUNGAN PELEPASAN

5.1 Seksyen 33C Akta 360 memperuntukkan tanggungjawab statutori bahawa bankrap hendaklah dilepaskan secara automatik selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput dari tarikh penyerahan PHE tertakluk kepada kriteria seperti yang berikut:

5.1.1 bankrap membuat bayaran ansuran bulanan sebagaimana yang telah ditetapkan;

5.1.2 bankrap mematuhi kehendak untuk memberikan penyata pendapatan 6 bulan ("PPP") kepada KPI di bawah perenggan 38(1)(b) Akta 360; dan

5.1.3 bankrap memenuhi kewajipan dan obligasi di bawah Akta 360.

5.2 Namun begitu, sekiranya bankrap gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, secara dasarnya kes hendaklah dipertimbangkan untuk —

5.2.1 pelepasan melalui sijil KPI di bawah seksyen 33A Akta 360 berdasarkan kepada kategori seperti yang berikut:

- (i) subseksyen 33B(2A) Akta 360;
- (ii) diproses secara pelepasan biasa;
- (iii) hutang berskala kecil (RM50,000); atau
- (iv) tertakluk kepada sebarang perubahan dasar terkini berkenaan dengan pelepasan melalui sijil KPI, atau

5.2.2 penggantungan pelepasan.

5.3 Di samping itu, kes hendaklah dipertimbangkan bagi pelepasan di bawah seksyen 33A Akta 360 dan tertakluk kepada arahan KPI yang berkuat kuasa, sekiranya tidak ada penyerahan PHE sebagaimana kehendak peruntukan Akta 360 dalam pentadbiran kes.

6.0 **BIDANG KUASA PELAKSANAAN PELEPASAN DI PERINGKAT CAWANGAN**

6.1 Garis Panduan ini memberikan kuasa kepada cawangan untuk melaksanakan tatacara pelepasan selaras dengan subseksyen 70(3) Akta 360 termasuk seperti yang berikut:

- 6.1.1 Ketua Unit (KU) di cawangan hendaklah membuat pengesahan bagi menentukan pelepasan atau penggantungan kes;
- 6.1.2 Pengarah Insolvensi Negeri (PIN)/ Penolong Pengarah Insolvensi Negeri (PPIN)/ Ketua Cawangan (KC)/ Pegawai Insolvensi Kanan I (PIK I)/ Pegawai Insolvensi Kanan II (PIK II) mengikut kekananan jawatan pegawai hendaklah memberikan kelulusan kepada pengesahan yang dibuat; dan
- 6.1.3 PIN/ PPIN/ KC boleh mengarahkan pegawai mengikut kekananan jawatan di cawangan untuk memberikan kelulusan bagi tujuan mempercepat proses kelulusan pelepasan atau penggantungan.

6.2 Cawangan hendaklah mengakui terima penyerahan PHE selaras dengan arahan KPI berhubung dengan pentadbiran awal kes kebangkrapan dan tempoh masa pentadbiran kes bankrap bagi pelepasan hendaklah dikira bermula dari tarikh penerimaan PHE.

6.3 Penentuan Jumlah Wang bagi tujuan pentadbiran estet bankrap hendaklah dibuat sepertimana yang telah ditetapkan dalam arahan KPI berhubung dengan pentadbiran awal kes kebangkrapan;

6.4 Jika bankrap merayu kepada Jumlah Wang yang telah ditentukan oleh KPI, maka cawangan hendaklah memproses rayuan bankrap selaras dengan arahan KPI berhubung dengan permohonan di bawah subseksyen 85(4) Akta 360.

7.0 PENGELUARAN BORANG STATUTORI UNTUK PELEPASAN DAN PENGGANTUNGAN PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA 360 BAGI PENTADBIRAN KES SEBELUM PERMULAAN KUAT KUASA AKTA A1695 (KES RETROSPEKTIF).

(a) Pelepasan Automatik (Kes Retrospektif)

7.1 Bagi kes yang diputuskan untuk pelepasan, notis pelepasan automatik dalam borang 100 P.U.(A) 305/2017 hendaklah memperuntukkan perkara seperti yang berikut:

7.1.1 tarikh kuat kuasa pelepasan ialah enam (6) bulan selepas tarikh pengeluaran notis tersebut; atau

7.1.2 sekiranya semasa pengeluaran notis tersebut tempoh tiga puluh enam (36) bulan masih belum luput (dikira daripada penyerahan PHE), tarikh kuat kuasa pelepasan hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput.

Tindakan pengeluaran borang 100 ialah seperti di **Lampiran A**.

(b) Penggantungan Pelepasan Automatik oleh KPI (Kes Retrospektif)

7.2 Sekiranya kes diputuskan untuk penggantungan pelepasan, notis penggantungan pelepasan automatik dalam borang 100A P.U.(A) 305/2017 hendaklah memperuntukkan perkara seperti yang berikut:

- 7.2.1 tarikh kuat kuasa penggantungan hendaklah mengikut kepada tarikh pengeluaran notis tersebut (bagi kes tempoh tiga puluh enam (36) bulan telah luput);
- 7.2.2 sekiranya semasa pengeluaran notis tersebut tempoh tiga puluh enam (36) bulan masih belum luput (dikira daripada penyerahan PHE), tarikh kuat kuasa penggantungan hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput;
- 7.2.3 tempoh penggantungan hendaklah ditetapkan selama satu (1) tahun yang dikira dari tarikh kuat kuasa penggantungan; dan ..
- 7.2.4 tarikh kuat kuasa pelepasan (selepas penggantungan KPI) hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh penggantungan luput.

Tindakan pengeluaran borang 100A ialah seperti di **Lampiran A**.

7.3 Namun begitu, sekiranya kes boleh dipertimbangkan bagi pelepasan melalui sijil KPI di bawah seksyen 33A Akta 360, maka fail hendaklah dirujuk kepada PIN/ PPIN/ KC untuk arahan lanjut.

7.4 Bagi pentadbiran kes yang mempunyai penyerahan PHE, namun tempoh tiga puluh enam (36) bulan dari tarikh penyerahan PHE hanya akan luput diluar tempoh dua belas (12) bulan selepas permulaan kuat kuasa Akta A1695, maka tatacara pelepasan/ penggantungan hendaklah mengikut kepada tatacara Kes Prospektif seperti ilustrasi di **Lampiran A**.

8.0 **PENGELUARAN BORANG STATUTORI UNTUK PELEPASAN DAN PENGGANTUNGAN PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA 360 BAGI PENTADBIRAN KES SELEPAS PERMULAAN KUAT KUASA AKTA A1695 (KES PROSPEKTIF).**

8.1 Pelepasan Automatik (Kes Prospektif)

Bagi kes yang memenuhi kriteria pelepasan termasuk berhubung dengan pengesanan dan penzahiran aset, notis pelepasan automatik dalam borang 100 P.U.(A) 305/2017 hendaklah memperuntukkan tarikh kuat kuasa pelepasan iaitu pada bulan ke-36 dari tarikh penyerahan PHE dan tindakan pengeluaran borang 100 ialah seperti di **Lampiran A**.

8.2 Penggantungan Pelepasan Automatik oleh KPI (Kes Prospektif)

8.2.1 Bagi bankrap yang telah membuat penyerahan PHE namun kes tidak memenuhi kriteria pelepasan, notis penggantungan pelepasan automatik dalam borang 100A P.U.(A) 305/2017 hendaklah dikeluarkan pada bulan ke dua puluh sembilan (29) dari tarikh penyerahan PHE;

8.2.2 Notis tersebut hendaklah memperuntukkan perkara seperti yang berikut:

- (a) tarikh kuat kuasa penggantungan hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput;
- (b) tempoh penggantungan hendaklah ditetapkan selama dua (2) tahun yang dikira dari tarikh kuat kuasa penggantungan; dan
- (c) tarikh kuat kuasa pelepasan (selepas penggantungan KPI) hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh penggantungan luput.

Tindakan pengeluaran borang 100A ialah seperti di **Lampiran A.**

9.0 Namun begitu, sekiranya kes boleh dipertimbangkan bagi pelepasan melalui sijil KPI di bawah seksyen 33A Akta 360, maka fail hendaklah dirujuk kepada PIN/ PPIN/ KC untuk arahan lanjut.


10.0 PEMBATALAN

Arahan ini membatalkan arahan-arahan seperti yang berikut:

- (a) Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 4/2021;
- (b) Adendum ke atas Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 4/2021 – Garis Panduan Kriteria Pertimbangan Dan Syarat-Syarat Pelepasan Bankrap Secara Automatik Di Bawah Seksyen 33C Akta Insolvensi 1967 dibatalkan; dan
- (c) Garis Panduan Pelepasan Automatik Dan Penggantungan Pelepasan Automatik Di Bawah Seksyen 33C Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] bertarikh 6 Oktober 2023.

11.0 PERMULAAN KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai pada 2 Januari 2024.



(M. BAKRI BIN ABD MAJID)

Ketua Pengarah Insolvensi

Jabatan Insolvensi Malaysia

Tarikh: 2-1-2024

LAMPIRAN A

FORMULA PENGIRAAN PHE UNTUK PELEPASAN

- A. Notis pelepasan/ notis penggantungan hendaklah diserahkan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas permulaan kuat kuasa Akta A1695 apabila tempoh penyerahan PHE ialah seperti yang berikut:
- i. Lebih 3 tahun;
 - ii. Bulan ke 25-30; dan
 - iii. Bulan ke 31-36.
- B. Bagi tempoh penyerahan PHE antara bulan 1-24 selepas permulaan kuat kuasa Akta A1695, tarikh kuat kuasa pelepasan/ penggantungan hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput (dikira dari tarikh penyerahan PHE); dan
- C. Bagi PHE baharu, membuat pemantauan bagi pengeluaran notis pelepasan/ notis penggantungan dengan mengikut kepada tatacara selepas permulaan kuat kuasa Akta A1695.

LAMPIRAN A

ILUSTRASI BERDASARKAN FORMULA PENGIRAAN PHE UNTUK PELEPASAN/ PENGGANTUNGAN

		UMUR PHE		PHE BAHARU	
		A	B	C	
Tahun/Tarikh Bankrap		Cth: 2010	Cth: 2015	Cth: 5.10.2023	Selepas 6.10.2023
Tempoh PHE pada tarikh kuat kuasa Akta A1695		Lebih 3 tahun	Bulan ke 25-30/ Bulan 31-36	Bulan 1-24	Selepas 6.10.2023
Pengeluaran ND/NS		6.10.2023 – 5.10.2024		Dalam tempoh antara bulan ke-25 hingga bulan ke-29	
		ND/NS hendaklah dikeluarkan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta A1695.		Pengiraan tiga puluh enam (36) bulan	
Tarikh Kuat kuasa Pelepasan/ Penggantian	(a) Tarikh kuat kuasa pelepasan hendaklah ditetapkan sehari selepas enam (6) bulan dari tarikh ND;	(a) Tarikh kuat kuasa pelepasan/ penggantian hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput (dikira dari tarikh penyerahan PHE);	(a) Tarikh kuat kuasa pelepasan/ penggantian hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput;	(a) Tarikh kuat kuasa pelepasan hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput/sehari selepas penggantian oleh KPI luput.	kuat kuasa
	(b) Tarikh kuat kuasa penggantian hendaklah ditetapkan mengikut kepada tarikh pengeluaran NS.	(b) Apabila pengeluaran ND/NS melebihi tempoh	(b) Tarikh kuat kuasa pelepasan/ penggantian hendaklah ditetapkan sehari		kuat kuasa

	*penggantungan oleh KPI ialah selama satu (1) tahun sahaja. <u>Apabila terdapat bantahan pemiutang:</u> (c) Jika bantahan <u>ditolak</u>, tarikh pelepasan hendaklah mengikut kepada tarikh dalam ND melainkan menyatakan tarikh kuat kuasa pelepasan dalam perintah mahkamah; (d) Jika bantahan <u>diterima</u>, tarikh penggantungan bermula dari tarikh keputusan mahkamah diberikan. Manakala tarikh kuat kuasa pelepasan selepas penggantungan mahkamah ialah sehari selepas tempoh dua (2) tahun luput.	luput PHE (dikira tiga puluh enam (36) bulan dari tarikh penyerahan PHE), tarikh kuat kuasa pelepasan/ penggantungan hendaklah mengikut kepada tarikh pengeluaran ND/NS; (c) Tarikh kuat kuasa pelepasan (selepas penggantungan KPI) hendaklah ditetapkan sehari selepas tempoh penggantungan luput. *penggantungan oleh KPI ialah selama satu (1) tahun sahaja. <u>Apabila terdapat bantahan pemiutang:</u> (d) Jika bantahan <u>diterima</u>, tarikh penggantungan bermula dari tarikh keputusan mahkamah diberikan. Manakala tarikh kuat kuasa pelepasan selepas penggantungan mahkamah ialah sehari selepas tempoh dua (2) tahun luput.	selepas penggantungan oleh KPI ialah luput. *penggantungan oleh KPI ialah selama satu (1) tahun sahaja bagi kes yang diisytihar bankrap sebelum 6.10.2023. <u>Apabila terdapat bantahan pemiutang:</u> (c) Jika bantahan <u>ditolak</u>, tarikh pelepasan hendaklah mengikut kepada tarikh dalam ND melainkan mahkamah menyatakan tarikh kuat kuasa pelepasan dalam perintah mahkamah; (d) Jika bantahan <u>diterima</u>, tarikh penggantungan bermula dari tarikh keputusan mahkamah diberikan. Manakala tarikh kuat kuasa pelepasan selepas penggantungan mahkamah ialah sehari selepas tempoh dua (2) tahun luput.	*penggantungan oleh KPI ialah selama dua (2) tahun. <u>Apabila terdapat bantahan pemiutang:</u> (c) Jika bantahan <u>ditolak</u>, tarikh kuat kuasa pelepasan hendaklah mengikut kepada tarikh dalam ND melainkan mahkamah menyatakan tarikh kuat kuasa pelepasan dalam perintah mahkamah; (d) Jika bantahan <u>diterima</u>, tarikh penggantungan bermula dari tarikh keputusan mahkamah diberikan. Manakala tarikh kuat kuasa pelepasan selepas penggantungan mahkamah ialah sehari selepas tempoh dua (2) tahun luput.
--	--	---	---	--

		kuasa pelepasan dalam perintah mahkamah; (e) Jika bantahan <u>diterima</u>, penggantungan mahkamah bermula sehari selepas tempoh tiga puluh enam (36) bulan luput dan tarikh kuat kuasa pelepasan selepas penggantungan mahkamah ialah sehari selepas tempoh dua (2) tahun luput.	mahkamah ialah sehari selepas tempoh dua (2) tahun luput.	
--	--	---	--	--

** ND	-	<i>Notice Of Discharge</i>
** NS	-	<i>Notice Of Suspend</i>
**TKK	-	Tarikh Kuatkuasa